

31 OCT 1996

KEJATUHAN RINGGIT KERANA DOLAR, BUKAN KERANA ANCAMAN AS TERHADAP PETRONAS

KUALA LUMPUR, 31 Okt (Bernama) -- Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika semalam bukan kerana ancaman Amerika untuk mengambil tindakan atas pelaburan Petronas di Iran, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata nilai dolar yang meningkat itu adalah kerana jangkaan bahawa Presiden Bill Clinton akan dipilih semula memimpin Amerika Syarikat pada pilihan raya November ini.

Urus niaga ringgit dibuka hari ini pada 2.5295/05 bagi seunit dolar Amerika berbanding dengan penutupan semalam pada 2.5235/40 kerana permintaan yang melonjak untuk dolar. Ia jatuh kira-kira 8.0 peratus semalam.

Nilai yen Jepun juga turun berbanding dolar AS, Dr Mahathir memberitahu persidangan berita selepas merasmikan "Bangunan Penjanaan", iaitu pejabat baru Tenaga Nasional Bhd, di sini.

Mengenai pelaburan Petronas di Iran dan ancaman AS untuk mengambil tindakan terhadap perkara itu, Dr Mahathir menegaskan: "Kita adalah sebuah negara berdaulat... kita tidak akan tunduk kepada arahan AS."

AS telah mengugut untuk mengenakan sekatan di bawah Akta Sekatan Iran-Libya ke atas firma-firma bukan AS yang melabur As\$40 juta (RM100 juta) atau lebih setahun dalam sektor-sektor minyak dan gas di kedua-dua negara berkenaan.

Petronas mempunyai kepentingan 30 peratus dalam lapangan-lapangan Sirri A dan E di Iran yang mempunyai simpanan minyak yang boleh diterokai sebanyak 600 juta tong. Jumlah pelaburan yang diperlukan untuk memajukan kedua-dua telaga minyak itu ialah AS\$600 juta (RM1.5 bilion). -- BERNAMA

AD SIA